



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2014 SESSION**

SUBJECT CODE	: MPW 1133
SUBJECT TITLE	: PENGAJIAN MALAYSIA (MALAYSIAN STUDIES)
LEVEL	: DIPLOMA
TIME / DURATION	: 2.00 pm - 4.00 pm (2 HOURS)
DATE	: 31 MAY 2014

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of TWO (2) sections. Section A and B. Answer all questions in Section A. For Section B, answer two (2) questions only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

THERE ARE 14 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Perlembagaan Persekutuan Malaysia kecuali
 - A. bersifat statik dan kekal.
 - B. termasuk ke dalam kategori perlembagaan bertulis.
 - C. kuasa tertinggi mengatasi Parlimen, kerajaan dan mahkamah.
 - D. mengandungi 15 bahagian termasuk 183 perkara dan 13 jadual.
2. Berikut adalah konsep Raja Berperlembagaan yang diamalkan oleh Malaysia.
 - A. Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan raja-raja Melayu.
 - B. Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan ketua-ketua negeri.
 - C. Yang di-Pertuan Agong bukan merupakan anggota utama Majlis Raja-Raja.
 - D. Yang di-Pertuan Agong adalah ketua negara yang bersemayam seumur hidup di atas takhta.
3. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.
 - I. Tidak menghalang agama lain dianuti dan diamalkan dengan aman.
 - II. Raja/ Sultan sebagai ketua negeri merupakan ketua agama Islam di negeri masing-masing.
 - III. Yang di-Pertua Negeri merupakan ketua agama Islam di negeri-negeri yang tidak beraja.
 - IV. Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan.

A. I dan II.	C. I, II dan IV.
B. II dan IV.	D. I, III dan IV.

4. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Sistem Ahli (*Member System*) kecuali
- pengenalan sistem jemaah menteri melalui penubuhan mini-kabinet.
 - meletakkan beberapa buah jabatan kerajaan di bawah jagaan seorang ahli.
 - memberi pengalaman kepada pemimpin tempatan memerintah secara demokrasi.
 - diperkenalkan pada tahun-tahun awal setelah negara mencapai kemerdekaan.
5. Berikut adalah kenyataan yang **benar** mengenai perlantikan menteri yang menganggotai Kabinet/ Jemaah Menteri.
- Mesti dilantik daripada kalangan ahli Dewan Rakyat sahaja.
 - Mesti dilantik daripada kalangan ahli kedua-dua Dewan Parlimen.
 - Dilantik oleh Perdana Menteri atas nasihat Yang di-Pertuan Agong.
 - Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Raja-Raja.
6. Pilih kriteria yang perlu dipenuhi dalam perlantikan Perdana Menteri.
- Ahli Dewan Rakyat.
 - Ahli mana-mana Dewan Parlimen.
 - Berumur sekurang-kurangnya 30 tahun.
 - Mendapat kepercayaan sebahagian besar ahli Dewan Rakyat.
- I dan IV.
 - II dan IV.
 - I, III dan IV.
 - II, III dan IV.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Menteri Tanpa Berportfolio'?
- Menteri yang juga merupakan seorang Senator.
 - Menteri yang tidak mengetuai mana-mana kementerian.
 - Menteri yang mengetuai kementerian yang tidak beroperasi di peringkat negeri.
 - Menteri yang tidak menjadi Ahli Parlimen bagi mana-mana bahagian pilihanraya.
8. Siapakah ketua kepada pentadbiran awam Malaysia?
- Ketua Setiausaha Negara.
 - Ketua Setiausaha Kementerian.
 - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam.

9. Berikut adalah contoh badan berkanun di Malaysia.
- A. Petroleum Nasional Berhad. C. Lembaga Tabung Haji.
B. Perbadanan Industri Berat Malaysia. D. Perbadanan Nasional Berhad.
10. Pilih kriteria bagi Majlis Perbandaran.
- I. Hasil tahunan melebihi RM20 juta
II. Hasil tahunan melebihi RM100 juta.
III. Jumlah penduduk melebihi 150,000 orang.
IV. Jumlah penduduk melebihi 500,000 orang.
- A. I dan III. C. II dan III.
B. I dan IV. D. II dan IV.
11. Siapakah yang bertindak sebagai pengurus dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan?
- A. Perdana Menteri.
B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
C. Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan.
D. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.
12. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai sistem kerajaan tempatan di Malaysia **kecuali**
- A. diperkenalkan oleh British semasa memerintah Tanah Melayu.
B. merupakan kerajaan di peringkat paling rendah dalam sistem kerajaan di Malaysia.
C. berfungsi memberikan perkhidmatan perbandaran di kawasan yang ditetapkan.
D. semua pihak berkuasa tempatan berada di bawah kuasa kerajaan persekutuan.
13. Anggota Suruhanjaya Pilihanraya dilantik oleh
- A. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.
B. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Raja-Raja.
C. Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Perdana Menteri.
D. Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

14. Manakah suruhanjaya yang dipengerusikan sendiri oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam?
- Suruhanjaya Diraja.
 - Majlis Angkatan Tentera.
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.
15. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Dasar Pembangunan Nasional.
- Dilaksanakan dalam tempoh RRJP 2.
 - Mengambil tempoh masa selama 10 tahun.
 - Mempunyai matlamat yang berbeza dengan DEB.
 - Memberi tumpuan kepada mengurangkan kemiskinan relatif.
- | | |
|---------------|--------------------|
| A. I dan III. | C. I, II dan IV. |
| B. II dan IV. | D. II, III dan IV. |
16. Semua perkara adalah strategi Dasar Wawasan Negara **kecuali**
- k-economy.*
 - penstrukturran semula ekuiti.
 - pembangunan sumber manusia.
 - perlaksanaan Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT).
17. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai Pelan Induk Perindustrian?
- Meningkatkan import produk berteknologi tinggi.
 - Meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan.
 - Mengurangkan penggunaan sumber-sumber asli negara.
 - Mengurangkan pergantungan kepada sektor industri kecil.
18. Sistem Pendidikan Aneka Jurusan bagi sekolah menengah rendah yang dimulakan pada tahun 1965 adalah berdasarkan kepada Laporan
- | | |
|-----------------|--------------------|
| A. Razak. | C. Aminuddin Baki. |
| B. Khir Johari. | D. Rahman Talib. |

19. Program berikut sejajar dengan teras pembangunan sumber manusia dalam perlaksanaan Dasar Belia Negara.
- Rakan Muda.
 - Latihan kepimpinan belia.
 - Pembangunan Usahawan berdasarkan ICT (TMK)
 - Latihan kemahiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).
20. Berikut adalah salah satu prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- Menggalakkan etnik lain mengamalkan kebudayaan Melayu.
 - Menolak unsur-unsur kebudayaan lain yang bukan berasal dari rantau
 - Islam menjadi unsur utama dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
 - Mengasimilasikan etnik minoriti ke dalam kebudayaan kelompok majoriti berteraskan Melayu dan Islam.
21. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Dasar Luar Negara.
- Mempertahankan kedaulatan negara.
 - Menjaga kepentingan negara di peringkat antarabangsa.
 - Menangani cabaran dan perkembangan ekonomi dan keselamatan di peringkat antarabangsa.
 - Membolehkan campur tangan hal ehwal dalaman negara lain jika ia berkaitan kepentingan politik negara.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. I dan III. | C. I, II dan III. |
| B. II dan III. | D. II, III dan IV. |
22. Berikut adalah contoh bentuk kerjasama yang melibatkan Malaysia melalui ASEAN.
- Deklarasi Prinsip Harare.
 - Committee of Six on Palestine.*
 - Zon of Peace, Freedom and Neutrality.*
 - Operasi Perlindungan di Bosnia Herzegovina.
23. Berikut adalah pertubuhan yang disertai oleh Malaysia atas kapasitinya sebagai negara bekas jajahan Inggeris.
- | | |
|---------|--------------|
| A. ICJ. | C. NAM. |
| B. IMF. | D. KOMANWEL. |

24. 'Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan' bermaksud terdapat dua peringkat kerajaan; iaitu kerajaan
- pusat dan negeri, dan tiap-tiap kerajaan memiliki bidang kuasa masing-masing.
 - pusat dan negeri, yang berkongsi bidang kuasa yang sama dalam semua perkara.
 - negeri dan tempatan, dan tiap-tiap kerajaan memiliki bidang kuasa masing-masing.
 - negeri dan tempatan, yang berkongsi bidang kuasa yang sama dalam semua perkara.
25. Doktrin pengasingan kuasa bertujuan memastikan tiada percanggahan fungsi dan kepentingan di antara
- pemerintahan pusat dan negeri.
 - badan perundangan, pemerintahan dan kehakiman.
 - ketua negara dan ketua kerajaan yang memerintah.
 - kabinet/ jemaah menteri dan anggota perkhidmatan awam.
26. Siapakah yang menjadi ketua agama Islam di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak?
- Yang di-Pertuan Agong.
 - Yang di-Pertua Negeri masing-masing.
 - Raja yang mempengerusikan Majlis Raja-Raja.
 - Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.
27. Badan eksekutif berfungsi untuk
- menegakkan keadilan.
 - mentafsir undang-undang.
 - melaksanakan undang-undang.
 - menggubal dan meluluskan undang-undang.
28. Berikut adalah salah satu tugas Yang di-Pertuan Agong.
- Memilih ahli Majlis Raja-Raja.
 - Melantik Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.
 - Menghadiri dan menyertai perbahasan mana-mana Dewan Parlimen.
 - Mempersetujui atau tidak, permintaan untuk membubarkan Parlimen.

29. Semua perkara berikut adalah benar mengenai perlantikan menteri-menteri **kecuali**
- dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.
 - tidak boleh dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam.
 - hanya ahli Dewan Rakyat sahaja yang boleh dilantik sebagai menteri.
 - ahli Dewan Negara yang bergelar Senator juga boleh dilantik sebagai menteri.
30. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai konsep tanggungjawab menteri kepada Parlimen?
- Seseorang menteri boleh berbeza pandangan dengan Kabinet/ Jemaah Menteri di Parlimen.
 - Semua ahli Kabinet/ Jemaah Menteri mesti menunjukkan imej bersatu dan sekata di hadapan Parlimen.
 - Segala tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai atasan kementerian tidak termasuk ke dalam tanggungjawab menteri kepada Parlimen.
 - Seseorang menteri yang tidak bersetuju dengan sesuatu keputusan Kabinet/ Jemaah Menteri boleh meluahkan bantahan pada khalayak ramai.
31. Ketua pentadbiran awam dan penasihat utama kepada menteri di sesebuah kementerian adalah
- Pengarah.
 - Ketua Pengarah.
 - Setiausaha Parlimen.
 - Ketua Setiausaha Kementerian.
32. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai badan berkanun **kecuali**
- tidak memiliki kuasa autonomi tertentu.
 - diketuai oleh seorang Pengurus Besar.
 - bertanggungjawab kepada menteri yang berkenaan.
 - agensi separa kerajaan yang dikenali sebagai perbadanan awam.
33. Kementerian berikut beroperasi di peringkat persekutuan dan juga negeri.
- Kementerian Kesihatan.
 - Kementerian Kewangan.
 - Kementerian Luar Negeri.
 - Kementerian Pertahanan.

34. Pilih fungsi utama Suruhanjaya Pilihanraya.
- I. Menjalankan pilihanraya umum dan kecil.
 - II. Menjalankan urusan pendaftaran pemilih.
 - III. Membuat kajian dan persempadanan semula.
 - IV. Meluluskan permit ceramah untuk kempen politik semasa pilihanraya.
- A. I dan III.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, II dan IV.
35. Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan tumpuan khas yang diberikan kepada keluarga termiskin dalam Dasar
- A. Ekonomi Baru.
 - B. Pertanian Negara.
 - C. Wawasan Negara.
 - D. Pembangunan Nasional.
36. Apakah rasional pemilihan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?
- A. Telah menjadi *lingua franca* di rantau ini sejak berabad-abad lamanya.
 - B. Kaya dengan pelbagai dialek yang sangat berbeza seperti bahasa Cina.
 - C. Mengurangkan pengaruh bahasa ibunda kaum-kaum lain dalam kehidupan seharian.
 - D. Lebih mencabar untuk dipelajari kerana agak sukar berbanding dengan bahasa lain.
37. Berikut adalah fungsi-fungsi dimainkan oleh Yang di-Pertuan Agong di dalam Parlimen **kecuali** ?
- A. pemerhati perbahasan di kalangan ahli-ahli parlimen
 - B. memanggil parlimen bermesyuarat
 - C. membubarkan parlimen
 - D. membuka persidangan parlimen
38. Mahkamah yang berada dalam hierarki yang paling tinggi dalam struktur mahkamah peringkat persekutuan adalah
- A. Mahkamah Agong
 - B. Mahkamah Persekutuan
 - C. Mahkamah Rayuan
 - D. Mahkamah Tinggi
39. Undang-undang pelajaran 1957 telah digubal berdasarkan kepada Laporan
- A. Razak
 - B. Rahman Talib
 - C. Aminuddin Baki
 - D. Khir Johari

40. Mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihanraya boleh membuat petisyen pilihanraya yang perlu dikemukakan di Mahkamah
- A. Seksyen C. Tinggi
B. Rayuan D. Majistret
41. Berikut adalah antara kesan penting hasil daripada Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824.
- I. Perpecahan Empayar Johor-Riau
II. Pembahagian Kepulauan Melayu kepada pengaruh Inggeris dan Belanda
III. Pengenalan kepada tulisan rumi dan beberapa perkataan Belanda
IV. Pedagang-pedagang megalihkan pusat perdagangan ke tempat lain
- A. I dan II C. I dan III
B. I, II dan III D. III dan IV
42. Sistem Residen dijalankan dinegeri-negeri berikut **kecuali**
- A. Johor B. Negeri Sembilan
C. Perak D. Selangor
43. Apakah nama perjanjian di mana kerajaan Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris pada tahun 1909 ?
- A. Perjanjian Pangkor C. Perjanjian Bangkok
B. Perjanjian Siam – Inggeris D. Perjanjian Persekutuan
44. Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan dengan tujuan untuk
- A. memantau pergerakan komunis
B. memujuk penduduk sabah dan sarawak agar bersetuju dengan penubuhan malaysia
C. memberikan penerangan kepada rakyat singapura tentang malaysia
D. mendapatkan pandangan penduduk di sabah dan sarawak tentang cadangan penubuhan Malaysia

45. Pada tahun 1955, pilihan raya umum yang pertama telah diadakan di Tanah Melayu. Antara yang berikut, yang manakah **tidak benar** berkenaan dengan pilihan raya tersebut?
- A. Parti Perikatan telah memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.
 - B. Dato' Onn yang mewakili Parti Malaya Merdeka telah memenangi satu kerusi dalam pilihan raya 1955.
 - C. PAS telah berjaya mengalahkan calon Parti Perikatan di Kerian, Perak.
 - D. Parti Perikatan yang bertanding dalam pilihan raya ini merupakan gabungan tiga parti politik iaitu UMNO, MCA dan MIC.
46. Pengalaman Tanah Melayu dalam penubuhan Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu menunjukkan Malaysia pernah mengalami struktur pemerintahan berdasarkan konsep
- A. persekutuan
 - B. konfederasi
 - C. kerajaan tempatan
 - D. Unitari
47. Isu-isu paling utama yang menyebabkan Brunei membatakan hasratnya menyertai Malaysia adalah berkaitan dengan soal
- I. kekananan Sultan Brunei dalam Majlis Raja-Raja
 - II. kuasa ke atas hasil minyak
 - III. penyertaan Singapura yang tidak disenangi ke dalam Malaysia
 - IV. kemerdekaan secara bersendirian sebelum bergabung ke dalam Malaysia
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. II dan IV
48. Manakah antara jawatankuasa berikut berperanan untuk merangka Perlembagaan Malaysia dan memastikan hak dan kepentingan Sabah dan Sarawak dilindungi ?
- A. Suruhanjaya Cobbold
 - B. Rundingan Kepentingan Negeri-negeri Borneo
 - C. Jawatankuasa Antara Kerajaan
 - D. Misi Bangsa-Bangsa Bersatu

49. Gagasan penubuhan Persekutuan Malaysia ditentang keras oleh A.M Azahari yang merupakan pemimpin utama bagi
- Parti Kebangsaan Brunei
 - Parti Rakyat Brunei
 - Parti Bersatu Rakyat Brunei
 - Parti Kebangsaan Rakyat Brunei
50. Yang manakah kenyataan **tepat** mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB)?
- Menumpukan usaha pembasmian kemiskinan di kalangan orang Melayu
 - Berakhir dengan Rancangan Malaysia Kelima
 - Merupakan RRJP yang mengambil masa paling lama iaitu 15 tahun
 - Merangkumi Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat
51. Apakah perkara menimbulkan keresahan dan tekanan pada orang Melayu kesan daripada keputusan pilihanraya umum 1969?
- Parti-parti politik pembangkang mendapat 2/3 kerusi Parlimen
 - Peratusan penduduk bukan bumiputera mengatasi peratusan bumiputera
 - Kesetiaan politik belum terbina di kalangan penduduk Sabah dan Sarawak
 - Perubahanimbangan di antara kuasa politik dengan kuasa ekonomi
52. 'Kelompok manusia yang telah cukup lama hidup bersama dan saling bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri dan meletakkan diri mereka sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu' (Ralph Linton)
- Penyataan di atas merupakan definisi bagi
- masyarakat
 - kebudayaan
 - etnik
 - bangsa
53. Yang manakah berikut ini **bukan** ciri sebuah masyarakat?
- Manusia hidup dalam satu kelompok.
 - Masyarakat melahirkan kebudayaan.
 - Masyarakat memiliki pandangan semesta.
 - Straifikasi sosial.

54. Dinamika masyarakat berlaku seperti berikut **kecuali**
- Secara sedar atau tidak.
 - secara paksaan atau kerelaan.
 - Secara lambat atau segera.
 - Pengaruh dalaman atau luaran.
55. Budaya kebendaan merujuk kepada
- peralatan dan kelengkapan yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat bagi tujuan memudahkan aktiviti kehidupan.
 - keperluan kebendaan seperti rumah dan pakaian yang diperlukan manusia.
 - bangunan-bangunan pencakar langit dan jalan-jalan raya.
 - peralatan-peralatan yang digunakan untuk bekerja.
56. Antara peranan yang dimainkan oleh budaya ialah
- menentukan identiti sesebuah masyarakat.
 - membezakan antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.
 - supaya sesebuah masyarakat itu ada sesuatu untuk diwariskan kepada keturunannya.
 - supaya sesebuah masyarakat itu ada amalan yang boleh dilaksanakan.
- I dan II.
 - I dan III.
 - II dan III
 - III dan IV.
57. Kesemua berikut ini merupakan ciri-ciri budaya **kecuali**
- berubah-ubah
 - perlu dipelajari
 - simbolik
 - tradisional
58. "Etnosentrik" ialah
- anggapan bahawa etnik sendiri memiliki budaya dan cara hidup yang lebih mulia dan baik daripada etnik lain.
 - anggapan bahawa etnik sendiri lebih gagah dan kuat daripada etnik lain.
 - anggapan bahawa etnik sendiri lebih bijak daripada etnik lain.
 - anggapan bahawa etnik sendiri lebih berkuasa daripada etnik lain.

59. Antara faktor yang membawa perpaduan di Malaysia ialah
- perkongsian kuasa politik.
 - amalan demokrasi.
 - sistem pendidikan yang sama.
 - tolak ansur budaya.
- I, II dan III.
 - I, II dan IV.
 - I, III dan IV.
 - II, III dan IV.
60. Bentuk integrasi yang manakah berikut ini kurang berlaku di Malaysia?
- Akomodasi.
 - Similasi.
 - Akulurasi.
 - Amalgamasi.

BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)

ARAHAN: Jawab DUA soalan sahaja.

Jawapan hendaklah dikemukakan dalam bentuk esei.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Singapura hanya menyertai Malaysia selama dua tahun sebelum mengambil keputusan keluar dan membentuk sebuah republik pada 9 Ogos 1965. Huraikan **dua** faktor yang menyebabkan Singapura keluar dari Malaysia dan berdasarkan pandangan anda, jelaskan **tiga** kesan negatif yang mungkin akan berlaku sekiranya Singapura masih dikelaskan dalam Malaysia.

(20 markah)

Soalan 2

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah diisyiharkan pada Hari Malaysia pada 16 September 1963. Bincangkan definisi perlembagaan dan konsep ketinggian perlembagaan di Malaysia dan berikan **tiga** sumbangan pelbagai peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia ke arah mengukuhkan identiti dan keharmonian negara.

(20 markah)

Soalan 3

Bincangkan tujuan, perlaksanaan dan hasil yang telah kerajaan lakukan dalam Dasar Ekonomi Baru selama tempoh 20 tahun

(20 markah)

Soalan 4

Sultan/raja atau Yang Dipertuan Negeri adalah ketua bagi sesebuah negeri yang memiliki beberapa peranan penting berhubung badan eksekutif, perundangan dan kehakiman. Huraikan **empat** peranan Sultan/raja atau Yang Dipertuan Negeri dan terangkan kepentingan setiap peranan tersebut ke arah mewujudkan kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara.

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT